

19/09/1997

Sepakat perkukuh ekonomi negara

PADA pertemuan khas dengan menteri besar dan ketua menteri kelmarin, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengarahkan semua kerajaan negeri mengurangkan program yang menjurus kepada perbelanjaan berlebihan. Arahan berkenaan bertujuan membantu Kerajaan Persekutuan memperkukuhkan ketahanan ekonomi negara dalam suasana nilai ringgit yang susut.

Mesej Perdana Menteri agak jelas iaitu kerajaan negeri perlu bersepakat dengan Kerajaan Persekutuan dalam menangani permasalahan ekonomi yang dihadapi sekarang. Kesungguhan Kerajaan Persekutuan dalam menyusun langkah seperti mengurangkan import dan menggalakkan eksport, mempertahankan satu pentadbiran yang licin serta mengurangkan program yang dianggap lebih banyak menjurus kepada perbelanjaan berlebihan, perlu diberi sokongan padu oleh semua kerajaan negeri.

Setakat ini, kita belum mendengar rancangan konkrit daripada mana-mana kerajaan negeri untuk berusaha ke arah yang selari dengan yang disuarakan oleh Kerajaan Pusat itu. Sehingga kini, kita masih mengharap ada pentadbiran kerajaan negeri yang dapat menyuarakan sesuatu yang lebih daripada sekadar menyatakan sokongan penuh usaha itu dan akan sentiasa mengambil tindakan yang sejajar saranan Perdana Menteri. Tidak dinafikan setiap kerajaan negeri mempunyai belanjawan tersendiri namun perlu diingat ia bukanlah tiket untuk menghalalkan mereka bertindak sesuka hati membelanjakan wang awam, lebih-lebih lagi ketika negara menghadapi kesulitan seperti sekarang.

Sebenarnya, dalam menangani permasalahan semasa, bukan hanya pihak kerajaan, malah semua pihak perlu sedar bahawa kunci utama kepada kejayaan bagi apa juga usaha terletak kepada kesepakatan segenap lapisan masyarakat untuk menggembleng tenaga serta sumber.

Kita tidak mahu kerana sikap acuh tidak acuh sesetengah segmen, keseluruhan usaha murni tidak berhasil seperti yang diharapkan.

Dalam hubungan ini, syarikat swasta juga perlu juga bersama pihak kerajaan. Mereka perlu lebih teliti dengan perbelanjaan masing-masing supaya mampu menentukan setiap sen yang dibelanjakan memberi manfaat maksimum kepada ekonomi negara.

Bagi membantu memperbaikiimbangan perdagangan negara, syarikat swasta boleh menyumbang dengan meningkatkan eksport masing-masing. Pada masa yang sama mereka juga perlu mengurangkan pembelian barangan asing. Jika tidak mempunyai pilihan sekalipun, pertimbangan perlu diberi sama ada pembelian asing yang dibuat mampu menjana perolehan mata wang asing yang lebih besar kepada negara pada masa depan.

Di peringkat individu pula, rakyat perlu juga menyumbang. Saranan Menteri Kebudayaan, Keseniaan dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik kelmarin supaya rakyat negara ini tidak digalakkan melancong ke luar negara perlu diberi perhatian. Pengurangan jumlah rakyat ke luar negara boleh membantu mengurangkan pengaliran keluar ringgit, sekali gus meredakan tekanan yang dihadapi oleh mata wang tempatan itu.

Selain saranan tidak menggalakkan rakyat keluar negara untuk melancong, kita berpendapat ada baiknya juga Sabbaruddin menentukan kementerian dan agensi yang diterajuinya melaksanakan promosi lebih agresif untuk menggalakkan lebih ramai pelancong asing melawat negara ini.

Kita berpendapat penurunan nilai ringgit adalah peluang terbaik bagi industri pelancongan di negara ini untuk menjual pakej mereka kepada pelancong asing.

Penurunan nilai mata wang tempatan itu kini bermakna pakej pelancongan adalah lebih murah bagi rakyat di negara maju, terutama bagi negara Eropah dan Amerika Utara yang tidak lama lagi akan menghadapi musim sejuk dan bagi yang mampu sudah semestinya mahu lari ke iklim panas.

Kita tidak bercadang supaya Malaysia dijual sebagai `destinasi murah'. Apa yang perlu dilakukan adalah penerangan diberikan secara meluas di negara sasaran bahawa Malaysia kini mampu menawarkan nilai lebih tinggi bagi setiap dolar atau pound sterling yang dibelanjakan oleh pelancong asing ini.

Langkah menarik lebih ramai pelancong asing ini sudah tentu mampu membantu meningkatkan pengaliran masuk mata wang asing ke negara ini dan sekali gus mengukuhkan lagi kedudukan ringgit yang kini sudah jatuh kira-kira 20 peratus akibat serangan spekulatif di pasaran mata wang.

(END)